



JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN

(Department of Skills Development)

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA, MALAYSIA

(Ministry of Human Resources, Malaysia)

ARAS 7-8, BLOK D4, KOMPLEKS D,

PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN, 62530

PUTRAJAYA, MALAYSIA

Telefon : 03-8886 5000

Faks : 03-8889 2423

Email : [jpk@mohr.gov.my](mailto:jpk@mohr.gov.my)

Website : [www.dsd.gov.my](http://www.dsd.gov.my)

Ruj. Kami : JPK/702/4/18 ( )

Tarikh : 3 Julai 2021

**Semua Pengurus Pusat Bertauliah NDT**

**Semua Pemegang Sijil SKM NDT**

**Semua Calon Peperiksaan SPKM NDT**

**Semua Calon Persijilan SPKM NDT**

**PEMAKLUMAN PELANJUTAN TEMPOH SAH LAKU SIJIL KEMAHIRAN MALAYSIA (SKM) UJIAN  
TANPA MUSNAH (NDT) SEMASA PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) 3.0 DI  
SELURUH MALAYSIA**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Garis Panduan Pengurusan SPKM NDT Sepanjang Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) telah disediakan untuk menyelaraskan tatabara operasi berkenaan hal-hal persijilan SPKM NDT, selaras dengan arahan terkini Kerajaan dalam membendung penularan wabak COVID-19 yang telah dikuatkuasakan seluruh negara sejak 18 Mac 2020 yang lalu.

3. Untuk makluman tuan/puan, sebelum ini tempoh sah laku sijil SKM NDT Tahap 1, Tahap 2 dan Tahap 3 yang tamat tempoh bermula pada 13 Januari 2021 dan seterusnya, dilanjutkan secara automatik sehingga 30 Jun 2021 tanpa perlu memohon. Namun



(Sila catitkan rujukan Jabatan ini apabila menjawab)

demikian, selaras dengan arahan terkini Kerajaan Malaysia dalam pelaksanaan PKP yang terkini, pelanjutan yang sewajarnya perlu dilaksanakan bagi memastikan pengurusan SPKM NDT sepanjang tempoh berkenaan dapat dilaksanakan dengan berkesan.

4. Oleh yang demikian, dengan mengambil kira keperluan ISO/IEC 17024:2012 dan ISO 9712 serta arahan semasa MKN dan Kerajaan Malaysia, tempoh sah laku bagi sijil SKM NDT Tahap 1, Tahap 2 dan Tahap 3 yang tamat tempoh bermula pada **1 Julai 2021 dan seterusnya akan dilanjutkan secara automatik sehingga 30 September 2021**. Surat pemakluman ini perlu dibaca bersama **Garis Panduan Pengurusan SPKM NDT Sepanjang Tempoh PKP, PKPB dan PKPP** terkini.

Segala perhatian tuan/puan amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”**  
**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
***“Pembudayaan Norma Baharu dalam Dunia Pekerjaan Sejangat”***

Saya yang menjalankan amanah,

  
(Ts. HJ. ZAIHAN BIN SHUKRI)

Ketua Pengarah  
Jabatan Pembangunan Kemahiran  
Kementerian Sumber Manusia